



16 MAY, 2022

Bekalan durian berkurang sehingga 60 peratus

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 3



DURIAN KURANG

**LAPORAN
KHAS**

PERMINTAAN TINGGI



HARGA MELAMBUNG

- Faktor cuaca dan serangan serangga perosak menyebabkan bekalan durian berkurang sehingga 60 peratus pada tahun ini sekali gus menyebabkan ia tidak dapat memenuhi permintaan domestik dan eksport ke luar negara.
- Ditambah pula dengan kos operasi dan harga baja yang meningkat, harga durian akan mengalami kenaikan sehingga 10 peratus berbanding tahun sebelum ini.
- Sebagai contoh harga durian Musang King, kalau tahun sebelum ini dijual RM45 satu kilogram, tahun ini naik sedikit dengan anggaran melebihi RM55, tetapi tidak terlalu melampau seperti diperkatakan orang ramai.
- Namun, rata-rata peniaga durian mengakui walaupun berlaku kenaikan harga, permintaan terhadap durian masih tinggi kerana keistimewaan dan keenakan yang dimiliki raja buah itu.

MUKA 2 & 3

Di sebalik kenaikan harga, permintaan domestik ke atas buah durian masih tinggi.



FOTO:THE STAR



16 MAY, 2022

Bekalan durian berkurang sehingga 60 peratus

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 3

Laporan NORAFIZA JAAFAR, ROSILAWATI ROSEDI, SHAFIQ TINO, MOHD ISKANDAR OTHMAN, MUHAMMAD YUSAINY MOHAMAD YUNUS & MUKHRIZ MAT HUSIN

Bekalan durian berkurang sehingga 60 peratus

Masalah cuaca dan serangan serangga perosak antara faktor penyebab

SHAH ALAM

Faktor cuaca dan serangan serangga perosak menyebabkan stok durian berkurang sehingga 60 peratus dan menyebabkan raja buah itu akan mengalami kenaikan harga sebanyak 10 peratus pada tahun ini.

Presiden Save Musang King Alliance (SAMKA), Wilson Chang berkata, disebabkan masalah bekalan juga, kebanyakan pengusaha kebun durian tidak berani untuk mengambil tempahan buah itu untuk dieksport ke luar negara.

“Musim kali ini tidak stabil dan buah juga tidak cantik. Malah tiada lagi alternatif lain yang boleh digunakan untuk halang serangga perosak.

“Pokok-pokok durian itu juga mungkin akan mati, jika nak sihatkan pokok itu semula memakan masa yang lama lebih kurang satu atau dua tahun,” katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Sebelum ini, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah memaklumkan harga jualan durian pada musim kali ini dijangka meningkat sekali ganda disebabkan hasil yang



WILSON CHANG



Akibat masalah bekalan, pekebun tidak dapat memenuhi permintaan untuk dieksport ke luar negara.

berkurangan tetapi mempunyai permintaan tinggi.

Beliau juga memberi ingatan kepada penggemar buah berkenaan untuk bersedia dengan kemungkinan kenaikan harga yang tidak dapat dielakkan kerana pengeluaran tanaman itu yang berkurangan kerana terpalit dengan faktor

hujan berpanjangan tahun lalu.

Mengulas lanjut, Wilson berkata, harga yang meningkat turut disebabkan peningkatan kos operasi dan harga baja yang meningkat disebabkan impak perang Rusia-Ukraine.

“Sebagai contoh durian Musang King, kalau tahun sebelum ini dijual RM45 satu kilogram, tahun ini naik sedikit dengan anggaran melebihi RM55.

“Bagaimanapun, harga tersebut tidaklah melampau seperti yang diperkatakan oleh masyarakat,” ujarnya.

Mengulas lanjut, Wilson berkata, kerajaan perlu memikirkan jalan penyelesaian untuk mengatasi masalah serangga perosak.

“Sehingga kini tiada lagi racun yang boleh mengatasi masalah itu.

“Kalau boleh kita kena duduk berbincang sama ada

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk cari jalan penyelesaian dengan segera.

“Kalau tidak memang stok untuk tahun-tahun berikutnya akan berkurang dan semakin teruk,” jelasnya.

Dalam pada itu, Wilson berkata, musim durian dijangka hanya bertahan sehingga tiga bulan sahaja bermula Jun sehingga Ogos ini.





16 MAY, 2022

Bekalan durian berkurang sehingga 60 peratus

Sinar Harian, Malaysia

Page 3 of 3

SUMMARIES

DURIAN KURANG PERMINTAAN TINGGI HARGA MELAMBUNG LAPORAN KHAS

Faktor cuaca dan serangan serangga perosak menyebabkan bekalan durian berkurang sehingga 60 peratus pada tahun ini sekali gus menyebabkan ia tidak dapat memenuhi permintaan domestik dan eksport ke luar negara.

Ditambah pula dengan kos operasi dan harga baja yang meningkat, harga durian akan mengalami kenaikan sehingga 10 peratus berbanding tahun sebelum ini.